A-BITE CREAM

Crotamiton (10%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan A-BITE CREAM
2. Bagaimana A-BITE CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan A-BITE CREAM
4. Cara menggunakan A-BITE CREAM
5. Semasa menggunakan A-BITE CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan A-BITE CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang A-BITE CREAM. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil A-BITE CREAM berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan A-BITE CREAM

A-BITE CREAM digunakan untuk melegakan simptom kegatalan akibat gigitan nyamuk dan serangga lain.

Bagaimana A-BITE CREAM berfungsi

A-BITE CREAM mengandungi bahan aktif Crotamiton. Ianya juga mengandungi Spent Grain Wax (dan) Butyrospermum Parkii (Shea Butter) Extract (dan) Argania Spinosa Kernel Oil.

Crotamiton membantu melegakan kegatalan, ia menghalang kerosakan pada kulit yang disebabkan oleh menggaru dan sekaligus meminimumkan risiko jangkitan sekunder.

Sebelum menggunakan A-BITE CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna A-BITE CREAM sekiranya:
- Anda alah (hipersensitif) kepada Crotamiton atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

-Sebelum mula menggunakan

Kehamilan dan penyusuan badan:
- Keselamatan ubat ini untuk digunakan semasa kehamilan dan penyusuan belum dibuktikan.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan A-BITE CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak yang berumur melebihi 3 tahun:
Sapukan pada bahagian yang terjejas sebanyak 2-3 kali sehari. A-BITE CREAM melegakan rasa gatal pada kulit sehingga 6-10 jam selepas setiap kali disapukan.

Kanak-kanak yang berumur bawah 3 tahun:

Hanya sapukan sekali sehari pada bahagian yang terjejas.

-Bila perlu digunakan

Gunakan A-BITE CREAM seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan produk ini seperti yang diarahkan, dapatkan nasihat doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim sebaik sahaja anda mengingatinya. Kemudian sambung rawatan seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda beberapa kali tersilap menggunakan lebih daripada yang anda perlu, jangan bimbang. Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia boleh membuat anda tidak sihat. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan A-BITE CREAM

-Perkara yang boleh dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan A-BITE CREAM.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

A-BITE CREAM tidak boleh digunakan di mata atau mulut kerana ia boleh menyebabkan kerengsaan. Ia tidak boleh digunakan untuk keradangan kulit akut atau permukaan meleleh sehingga keradangan reda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan atau alergi berlaku, rawatan perlu dihentikan dan dapatkan nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, A-BITE CREAM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah terhadap krim.

Alahan terhadap Crotamiton adalah jarang tetapi ubat boleh menyebabkan kerengsaan pada kulit yang sedang mengalami keradangan.

Jika kesan sampingan bertambah teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan A-BITE CREAM

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna A-BITE CREAM

A-BITE CREAM adalah krim berwarna putih dan boleh didapati dalam tiub aluminium 15g.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Crotamiton 10%. w/w

Bahan-bahan tidak aktif:
Triethanolamine 99, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Cetearyl Alcohol (dan) Peg-20 Stearate, Spent Grain Wax (dan) Butyrospermum Parkii (Shea Butter) Extract (dan) Argania Spinosa Kernel Oil, CARBOPOL 940, Glycerin dan Purified Water.

-Nombor MAL: MAL19911476XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/06/2022

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)191118/00340